

Berita Harian Monthly Column - May 2020

BH JUMAAT, 15 MEI 2020

Bisnes

Bicara Bernas oleh Sun Life Malaysia

Takaful pada masa diperlukan



Sebagai pembuka bicara, saya ingin mengucapkan salam Ramadan kepada semua umat Islam di Ma-laysia pada bulan mulia ini yang pastinya sangat berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Ramadan adalah bulan penyu-

cian jiwa, di mana semua disa-rankan untuk meningkatkan perasaan ihsan, kasih sayang dan empati antara satu sama lain melalui amalan berpuasa

Apabila saya mengimbas kem-bali kepada 5 bulan pertama tahun 2020, ini telah menyedarkan kita mengenai perkara yang paling penting untuk dititikberatkan dalam kehidupan iaitu menumpukepada kesejahteraan dan perlindungan diri, orang yang di-sayangi serta masyarakat secara keseluruhannya.

Keperluan perlindungan Ketika kita melalui tempoh yang mencabar ini, saya ingin berkongsi sesuatu yang dapat mem-bantu anda memenuhi tanggungjawab kerohanian dan juga memberikan perlindungan serta ketenangan jiwa kepada anda dan yang tersayang – Takaful. Tidak ada waktu yang lebih se-

suai untuk kita memahami mengenai kepentingan perlindungan

Life Malaysia

Takaful selain daripada ketika menghadapi kesukaran hidup.

Impak ekonomi dari pandemik ini telah mengakibatkan ramai orang di seluruh dunia mengha-dapi risiko pemotongan gaji dan kehilangan pekerjaan.

Perlindungan Takaful boleh mengurangkan masalah kewangan dan meringankan beban keluarga ketika berdepan situasi seperti ki-

Sebagai contoh, baru-baru ini, pelanggan kami yang disahkan menghidap COVID-19 masing ma-sing telah menerima bayaran fae-

dah khas sebanyak RM5,000. Ini menunjukkan betapa pentingnya mempunyai jaringan ke-selamatan kewangan kerana me-reka pastinya tidak dapat menjana pendapatan sepanjang tem-poh pemulihan.

Perancangan seumur hidup Takaful bukan eksklusif untuk

orang Islam sahaja. Sebaliknya, ia memenuhi keperluan keselamatan dan perlindungan untuk se-siapa sahaja tanpa mengira aga-

ma, bangsa, atau kepercayaan. Produk Takaful menekankan unsur kerjasama dan bantuan antara peserta dan perlindungan ke-wangan untuk diri dan keluarga.

Anda mungkin tertanya, apa-kah yang membezakan Takaful

daripada insurans konvensional? Memang terdapat banyak perbe-zaannya dan di sinilah terletak-nya nilai Takaful yang sebenar.

Selain mematuhi prinsip Sya-riah pada keseluruhannya, Takaful turut menyediakan penyele-saian kewangan untuk orang tersavang dan juga membolehkan anda membuat persiapan untuk bekalan di alam kehidupan seterusnya.

Anda akan berasa lebih lega

apabila kebajikan orang yang di-sayangi terjamin jika berlaku se-barang keadaan yang tidak diduga, sambil ia memberikan man-faat kewangan dan jaminan bahawa keperluan kerohanian dan agama anda tidak diabaikan.

Tidak seperti insurans konvensional, Takaful lebih memupuk semangat kemasyarakatan dengan kontrak perkongsian risiko di kalangan peserta. Tambahan pula, lebihan dana (jika ada) dikongsi bersama peserta lain se-bagai manfaat tambahan.

Ini pastinya satu manfaat yang mampu menarik perhatian mereka yang bukan beragama Islam.

Memenuhi keperluan rohani

Takaful turut memberi peluang untuk memenuhi keperluan rohani terutamanya pada bulan mu-lia ini, di mana sumbangan dan amalan baik amat digalakkan. Ini adalah menerusi Tabarru' iaitu sumbangan sukarela dalam kontrak Takaful di mana sumbangan bulanan anda membantu orang lain yang memerlukan di samping memberikan jaminan perlindungan kewangan anda.

Selain ciri khas yang memenuhi kewajipan anda untuk membayar Zakat daripada akaun pelaburan anda, kami juga membayar zakat perniagaan kepada semua pihak berkuasa negeri dan menyalurkan lebihan wang yang tidak diagihkan kepada organisasi kebajikan.

Tidak dilupakan konsep unik Hibah yang membolehkan anda menganugerahkan 'hadiah' kepada yang tersayang dengan menamin masa depan kewangan mereka selepas ketiadaan anda.

Selain itu, terdapat juga manfaat Fidyah yang meringankan ke-wajipan untuk mengganti puasa yang ditinggalkan pada bulan Ra-madan sepanjang hayat anda.

Dan walaupun setelah anda tiada, pahala dan kebaikan anda akan berterusan selamanya melalui Wakaf yang merupakan se-bahagian daripada tuntutan aga-

Takaful di Malaysia

Takaful sememangnya berpera-nan penting dalam melindungi dari cabaran kewangan akibat ke-perluan penjagaan kesihatan atau peristiwa yang tidak dijangka bahkan juga untuk keperluan simpanan, pendidikan, persaraan

dan pelaburan jangka panjang. Dengan penembusan pasaran Takaful pada hanya 15.2%, banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab individu da-lam perancangan kewangan di kalangan rakvat Malavsia.

Di Sun Life Malaysia, kami akan

meneruskan usaha kempen kese-daran dan inisiatif komuniti kami yang mengetengahkan nilai dan manfaat perlindungan Takaful.

Ini adalah sejajar matlamat kami untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia mencapai perlindu-ngan kewangan seumur hidup, mendapatkan ketenangan minda dan keupayaan untuk melindungi diri sendiri, orang yang disayangi di samping memenuhi kewajipan keperluan rohani mereka.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, kami telah memberikan usaha terbaik untuk menjangkau dan me-nyokong para pelanggan kami.

Kami akan terus fokus pada natlamat kami bagi memastikan lebih ramai akan memperolehi lebin ramai akan memperolehi perlindungan kewangan untuk menangani situasi yang tidak di-jangka untuk kehidupan yang pastinya lebih cerah di masa ha-

Kepada semua pembaca, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri! Luangkan masa istime-wa ini, biarpun bersama atau berjauhan, untuk mengeratkan sila-turahim, berkongsi tawa dan kegembiraan dengan keluarga ter-

ayang. Ingatlah apa yang kita telah lalui hari ini akan menjadikan kita lebih kuat untuk mengharungi masa depan yang lebih cerah ber-

Raymond Lew jalah Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negara untuk Sun Life Malaysia. Untuk maklumat lanjut, layari sunlifemalaysia.com

